

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Astro Awani

TARIKH : 15 Disember 2022

SITASI :

M/S : -

"Kementerian Perpaduan Negara beri fokus tangani isu 3R", *Astro Awani*, 15 Disember 2022

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-perpaduan-negara-beri-fokus-tangani-isu-3r-396975?amp=1> Di akses 16 Disember 2022



# Kementerian Perpaduan Negara beri fokus tangani isu 3R

Bernama

Disember 15, 2022 16:21 MYT



*Datuk Aaron Ago Dagang berkata kementerian itu akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) susulan terdapat pelbagai isu sensitif yang menyentuh 3R menerusi platform media sosial. – Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perpaduan Negara akan memberi fokus kepada usaha menangani isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan negara khususnya melibatkan institusi raja, agama dan bangsa (3R).

Menteri berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang berkata kementerian itu akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) susulan terdapat pelbagai isu sensitif yang menyentuh 3R menerusi platform media sosial.

Advertisement

"Beberapa hari lepas, kita telah mengadakan mesyuarat bersama KKD sebab mereka yang melihat hari ke hari isu-isu (3R) yang berada di akhbar dan platform media sosial seperti TikTok, YouTube dan lain-lain.

"Kita akan bersama-sama dengan KKD cuba menangani isu ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas melakukan lawatan rasmi ke Arkib Negara Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata pihaknya telah merangka beberapa program menerusi agensi di bawah kementerian itu bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.

"Agensi utama sebelum ini ialah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang berada di semua negeri dan sekarang kita mempunyai agensi lain seperti Arkib Negara, Muzium Negara dan Perpustakaan Negara," katanya.

-- BERNAMA